

07 DEC 1997

LIMA-Mahathir (Bernama-Ex)

LIMA '97 FORUM JUAL BELI YANG LARIS

Oleh: E. Sivabalan

LANGKAWI, 7 Dis (Bernama) -- Syarikat-syarikat antarabangsa dalam industri kapal terbang dan maritim menyaksikan urusan jualan yang laris di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) '97 dengan purata 10 perjanjian ditandatangani setiap hari sejak pameran bertaraf dunia itu bermula Selasa lepas.

Dengan LIMA '97 berakhir hari ini, pihak penganjur terus bertungkus lumus menguruskan persiapan bagi majlis menandatangani perjanjian impromptu antara syarikat-syarikat yang tidak mahu meninggalkan pulau percutian ini dengan tangan kosong.

Seperti kebiasaan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memainkan peranan penting dan kadang kala bertindak sebagai "pengadil" kepada eksekutif-eksekutif syarikat dalam menguruskan perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU).

Dr Mahathir yakin dalam kejayaan urusan jual-beli kapal terbang dan kapal laut di pameran itu walaupun kelembapan ekonomi yang menyelebung rantau ini sekarang.

"Ini tidak berlaku dalam sehari sahaja," kata beliau kepada BERNAMA semasa ditemubual dengan merujuk kepada pelbagai aktiviti sejak seminggu lepas di pulau lagenda ini yang bertukar menjadi medan pertempuran bukan bagi anggota tentera tetapi ahli-ahli perniagaan dalam sut hitam.

Tetapi Dr Mahathir berkata, apa sahaja yang telah ditandatangani akan mengambil masa yang lama sebelum ia menjadi kenyataan.

"Jadi, jika mereka menandatangani MoU ataupun perjanjian hari ini, ia tidak bermakna mereka akan mengeluarkan duit dengan segera," kata beliau.

Perdana Menteri yang juga melancarkan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa pada Jumaat lepas berkata, bagaimanapun perjanjian bagi usahsama "sudah pasti sangat berguna."

Ada antara perjanjian yang ditandatangani itu akan membolehkan pengeluaran kelengkapan di sini ataupun kerja-kerja membaik pulih kelengkapan tentera seperti kapal terbang dan kapal laut dijalankan oleh syarikat-syarikat Malaysia dengan bantuan rakan asing mereka yang akan memindahkan teknologi.

"Banyak yang akan dibuat di sini dan banyak barangan akan dieksport dari sini," kata Perdana Menteri.

Kali ini Penerbangan Malaysia (MAS) memulakan rentak bagi perjanjian dengan mengumumkan yang ia akan membeli kapal terbang "Boeing Business jet".

Di samping urusan MAS itu, dua MoU dan satu perjanjian pemasaran ditandatangani di pembukaan Lima '97, membabitkan syarikat-syarikat tempatan dan asing bagi penjualan pesawat ringan, menyenggara kipas helikopter di negara ini dan juga di peringkat serantau dan pembangunan serta pelaksanaan perisian bersepadu bagi pengurusan industri berintensifkan modal.

Urusniaga yang paling signifikan ialah antara Khazanah Nasional Berhad, iaitu sayap pelaburan kerajaan Malaysia dan British Aerospace (BAe) untuk memajukan keupayaan Malaysia dalam mereka bentuk dan mengeluarkan produk aeroangkasa.

Perjanjian itu membolehkan Malaysia mendapat laluan kepada teknologi aeroangkasa dan untuk membentuk kemahiran teknikal serta harta intelek bagi negara bersaing dalam kerja-kerja aeroangkasa antarabangsa dan program kapal terbang di masa akan datang.

Segmen maritim juga menyaksikan pertukaran dokumen dengan tujuh MoU

ditandatangani pada Khamis, iaitu satu rekod.

Satu daripadanya ialah antara German Naval Group dan Naval Dockyard Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Penang Shipbuilding and Construction Group bagi usahasama dalam membina kapal peronda pesisir pantai jenerasi baru.

Satu lagi ialah antara Naval Dockyard dan Royal Ordnance, iaitu anak syarikat milik penuh British Aerospace Plc bagi promosi, pengeluaran dan pembekalan senapang artileri 105mm yang dikenali sebagai Sakti.

LIMA '97 tetap menyerlah walaupun penyusutan nilai mata wang dan pasaran saham yang lembap menghantui seluruh rantau, dan seperti yang dikatakan oleh Dr Mahathir, Malaysia sudahpun bersedia bagi memainkan peranan utama di sektor aeroangkasa dan maritim. -- BERNAMA

ES RN PR